

'Jangan tuding jari jika rakyat persoal harga rumah'

Serdang: Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng bebas menetapkan harga rumah mampu milik di negerinya namun perlu bertanggungjawab sekiranya ia tidak dipersetujui penduduk setempat.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata paras RM400,000 harga rumah berkenaan di Pulau Pinang tidak ditetapkan kementerian, sebaliknya tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan negeri.

"Saya tidak kisah dia (Guan Eng) nak letakkan berapa harga rumah di Pulau Pinang, ia boleh mencecah sejuta, keputusan itu terletak di tangan kerajaan negeri.

"Namun, apabila rakyat di negeri itu mula mempersoalkan harga itu, jangan tuding jari kepada saya, Barisan Nasional dan UMNO.

Tak dipersetujui Kerajaan Pusat

"Perkara itu tidak pernah dipersetujui kerajaan (Persekutuan). Kalau benar beliau meletakkan harga mengikut syarat Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), saya arahkan Guan Eng menurunkan harga rumah berkenaan kepada RM200,000," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Konvensyen Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) 2016, di Universiti Putra Malaysia, di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalannya, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohammad Mentek.

Konvensyen JPP pertama itu, yang disertai 2,035 anggota JPP dari 98 pihak berkuasa tempatan di Semenanjung bertujuan memberi peluang kepada anggotanya berinteraksi dengan kementerian bagi mengeratkan kerjasama kerajaan dan wakil komuniti.

Perkasa JPP

Sementara itu, Abdul Rahman mahu peranan JPP diperkasakan dari semasa ke semasa seiring dengan perubahan cabaran yang dihadapi di peringkat perbandaran.

Beliau berkata, isu perbandaran bukan sahaja berkaitan pembangunan infrastruktur, malah merangkumi isu sejagat seperti akses kepada pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan alam sekitar.